

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/12/2018

## Syor Dr M kekal hingga PRU-15

BH-31/12/2018 m/s: 6

**Putrajaya:** Beberapa perwakilan negeri Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), mencadangkan supaya Tun Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri, sekurang-kurangnya sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Cadangan itu diutarakan perwakilan ketika membahaskan ucapan dasar Pengerusi BERSATU, kelmarin sempena Persidangan Agung Tahunan BERSATU kali kedua di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini.

Difahamkan, cadangan itu kali pertama dibangkitkan oleh perwakilan Kelantan, yang juga Ketua Bahagian BERSATU Bachok, Zulkifli Zakaria, yang mahu Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU, kekal sebagai Perdana Menteri sehingga PRU-15.

“Ada beberapa perwakilan yang cadang, Pertama sekali keluar daripada wakil Kelantan,” kata seorang ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU, yang enggan dikenali ketika ditemui

NSTP, semalam.

**8 perwakilan beri cadangan**  
Perkara itu turut disahkan seorang lagi perwakilan yang juga Ketua Bahagian BERSATU Selayang, Selangor, Zulkifli Mohamad.

Beliau berkata, sekurang-kurangnya lapan perwakilan negeri mencadangkan supaya Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga PRU-15, ketika sesi perbahasan.

“Malah, setiap kali cadangan

supaya Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga PRU-15 diusulkan, semua perwakilan berdiri, memberi tepukan sambil melaungkan ‘Hidup Tun’ sebanyak tiga kali,” katanya.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, dilaporkan media pada Oktober lalu, turut meminta Dr Mahathir diberi peluang kekal mentadbir negara sehingga tamat tempoh penggal pentadbiran selama lima tahun.